



PERNYATAAN ANTI-RASUAH KWSP

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengamalkan **Toleransi Sifar** terhadap rasuah. KWSP tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk amalan yang berunsur rasuah dan/atau fraud dalam pengurusan operasi, perkhidmatan dan pelaburan organisasi demi melindungi kepentingan dan simpanan persaraan ahli.

KWSP komited untuk menentang segala bentuk amalan rasuah melalui pemerkasaan nilai integriti dan tadbir urus yang baik, pengukuhan kawalan dalaman, pematuhan undang-undang, tindakan tegas terhadap rasuah serta sokongan berterusan kepada inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pernyataan Anti-Rasuah ini terpakai kepada semua peringkat anggota KWSP termasuk anggota syarikat-syarikat milik penuhnya. Prinsip Pernyataan Anti-Rasuah ini turut terpakai kepada semua pihak berkepentingan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, kontraktor, perunding, rakan strategik serta mana-mana pihak yang berurusan dengan KWSP.

Sehubungan itu, semua anggota KWSP hendaklah mengekalkan standard integriti yang tinggi dengan sentiasa:

- Bertindak secara adil, jujur dan telus dalam melaksanakan tanggungjawab;
- Tidak menawarkan atau memberikan sebarang bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Tidak menerima atau bersetuju menerima sebarang bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Mana-mana anggota KWSP yang didapati terlibat dalam melakukan rasuah dan/atau fraud akan dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Kod Etika KWSP dan/atau peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sebarang salah laku berkaitan integriti, rasuah dan/atau fraud hendaklah dilaporkan melalui **Saluran Whistleblowing KWSP** dan maklumat ini adalah sulit. Setiap aduan yang tulen akan disiasat selari dengan komitmen KWSP untuk mengekalkan persekitaran kerja yang beretika, telus dan bebas rasuah.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ahmad Zulqarnain Onn'.

AHMAD ZULQARNAIN ONN
Ketua Pegawai Eksekutif